

CARTA ALIRAN UNTUK PENDAFTARAN WARGA EMAS

1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

- 1.1. Berumur melebihi 60 tahun pada 8hb Mac 2010
- 1.2. Berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) sebagai pemilih dimana-mana Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di Negeri Pulau Pinang sahaja.

2. SENARAI SEMAK

- 2.1. Permohonan melalui Borang Pendaftaran Warga Emas Negeri Pulau Pinang yang diberikan secara percuma dan boleh didapati di Pejabat Daerah Bahagian Pembangunan atau Pejabat Khidmat ADUN masing-masing.
- 2.2. Salinan kad pengenalan pemohon dan waris masing-masing.
- 2.3. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah diserahkan di Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah yang berkenaan atau Pejabat Khidmat ADUN masing-masing.
- 2.4. Pemohon boleh menyemak sendiri status pendaftaran dengan memasukkan nombor kad pengenalan menerusi laman web di alamat [http://iSejahtera](http://iSejahtera.penang.gov.my) penang.gov.my

3. FAEDAH-FAEDAH YANG DITERIMA

Pemohon yang berjaya didaftarkan dan disahkan oleh Kerajaan Negeri akan menerima faedah-faedah seperti berikut :-

- 3.1. Bayaran saguehati sebanyak RM100.00 sekali seumur hidup
- 3.2. Bayaran pengurusan jenazah/ kematian sebanyak RM1,000.00 kepada waris pemohon yang berdaftar.

4. KAEDAH TUNTUTAN BAYARAN PENGURUSAN JENAZAH/ KEMATIAN

Waris yang didaftarkan perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut ke Pejabat Daerah :-

- 4.1. Salinan Sijil Kematian Warga Emas yang didaftarkan.
- 4.2. Salinan Kad Pengenalan Waris yang dinamakan dalam boring pendaftaran
- 4.3. Salinan permit pengkebumian
- 4.4. Salinan muka hadapan buku akaun waris simati.